

20/10/2001

Negara asing mula akui pendekatan negara: PM

KUALA LUMPUR, Jumaat - Negara dan institusi kewangan antarabangsa, seperti Bank Dunia dan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) yang menuduh Malaysia mengamalkan 'bail out' dan nepotisme ketika membantu syarikat bermasalah, kini mula mengikut pendekatan sama untuk menyelamatkan ekonomi mereka.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata apabila Malaysia mengambil langkah untuk menstruktur semula syarikat-syarikatnya, termasuk syarikat penerbangan negara, pelbagai tuduhan dibuat oleh media asing, kononnya menyelamatkan syarikat kroni kerajaan.

"Pentadbiran Amerika Syarikat juga meluluskan pakej 'bail out' sebanyak AS\$15 bilion (RM57 bilion) bagi membantu syarikat penerbangan mereka.

"Sekarang ternampak, dalam keadaan cemas negara lain juga menggunakan cara yang dikecam oleh pengkritik Malaysia. Amalan Malaysia yang dikutuk dulu oleh media asing, sekarang diamal oleh negara yang cemas.

"Media asing tidak pula mengutuk amalan ini (oleh Amerika). Media asing sendiri sekarang tidak begitu bebas," katanya ketika membentangkan Belanjawan 2002 di Dewan Rakyat, hari ini.

Selain itu, beliau berkata, sebagai langkah segera untuk memulihkan ekonominya, pentadbiran Amerika juga menyuntik kecairan ke dalam sistem kewangan dan mengurangkan kadar faedah kepada 2.5 peratus daripada 6.5 peratus.

"Kongres Amerika turut meluluskan peruntukan fiskal AS\$40 bilion bagi pembinaan semula infrastruktur, bantuan menyelamatkan dan keselamatan. Sebanyak AS\$75 bilion sebagai tambahan kepada rangsangan fiskal," katanya.

Perdana Menteri berkata, pertumbuhan ekonomi dunia yang mula menurun pada awal 2001, berikutan kelembapan ekonomi Amerika dan Jepun, kini menjadi semakin serius dan dijangka berlarutan akibat serangan dahsyat ke atas Amerika yang mengorbankan beribu nyawa.

"Kita menentang keganasan. Namun, kita juga tidak bersetuju dengan peperangan yang tidak dapat dikawal untuk mengatasi keganasan kerana ini akan hanya memburukkan lagi keadaan tanpa menyelesaikan masalah.

"Perang bukanlah langkah bijak untuk menangani keganasan kerana lebih banyak nyawa akan terkorban, lebih banyak aset negara akan musnah dan lebih ramai yang akan menderita.

"Peperangan juga akan memburukkan lagi ekonomi dunia yang sudahpun buruk. Awal-awal lagi kita perlu tanggung, risiko peperangan dan pengangkutan ke negara tertentu yang menjadi rakan dagang kita akan terjejas.

"Peristiwa 11 September juga telah menyebabkan pasaran ekuiti utama jatuh dengan mendadak. Pasaran ekuiti Amerika Syarikat paling teruk terjejas dengan Dow Jones menjunam dua digit mencecah paras terendah sejak beberapa tahun, sehari selepas serangan.

"Indeks Dax (Jerman) jatuh 8.5 peratus, penurunan terbesar dalam sehari. Indeks FTSE (London) turun 5.7 peratus, juga kejatuhan terbesar dalam satu hari sejak 1987.

"Indeks Nikkei (Tokyo) yang berada pada paras rendah untuk tahun ke-17, merosot 6.6 peratus kepada paras lebih rendah. Indeks saham bursa-bursa utama lain seperti Hang Seng (Hong Kong) dan STI (Singapura), juga merosot. Indeks pasaran di Taiwan, Thailand dan Kuala Lumpur yang dibuka pada 13 September, juga menjunam," katanya.

Beliau berkata, industri kewangan dan insurans akan menghadapi bebanan tuntutan yang tinggi manakala sentimen pelabur dan keyakinan pengguna kian

lemah.

Katanya, wujud risiko negara industri utama akan terperangkap dalam kemelesetan kerana serangan ke atas Afghanistan dijangka berpanjangan dan tidak menentu manakala prospek pemulihan ekonomi dunia menjadi lebih buruk.

"Sebagai sebuah ekonomi terbuka, yang mana perdagangan merupakan lebih daripada 200 peratus daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), ekonomi Malaysia amat terdedah kepada keadaan turun naik pasaran luar.

"Ekonomi negara baru sahaja bebas daripada cengkaman krisis kewangan tahun 1997-1998. Kini, kita terpaksa berdepan pula dengan perkembangan luaran.

"Pertumbuhan KDNK bagi tahun 2001 yang telah diturunkan daripada 7 peratus kepada 5 hingga 6 peratus pada Mac 2001, kini diturunkan lagi kepada 1 hingga 2 peratus.

"Oleh itu, kita tidak boleh bergantung terlalu sangat kepada perdagangan luar, sebaliknya, pertumbuhan ekonomi mesti didorong oleh kegiatan perdagangan dan aktiviti ekonomi dalam negeri dan penumpuan kepada pasaran-pasaran baru yang boleh kita bangunkan," katanya.

Beliau berkata, selaras dengan dasar itu, kerajaan mengumumkan pakej rangsangan tambahan berjumlah RM4.3 bilion iaitu tambahan kepada 'pakej pre-emptive' sebanyak RM3 bilion yang diumumkan Mac 2001.

Bagaimanapun, katanya, pakej rangsangan fiskal ini akan menjadi sia-sia dan tidak akan membantu menjana pertumbuhan yang lebih tinggi, jika projek tidak dilaksanakan dengan pantas.

"Bagi mempercepatkan pelaksanaan projek, kuasa kewangan yang lebih besar diberi kepada semua kementerian dan agensi pelaksana serta Lembaga Tender di peringkat kementerian diberi kuasa untuk meluluskan tender hingga RM50 juta untuk perolehan kerja dan RM30 juta untuk bekalan dan perkhidmatan tanpa perlu merujuk kepada Perbendaharaan.

"Lembaga Tender kementerian juga dibenar meluluskan tender terhad sehingga RM5 juta," katanya.

(END)